

**TEKS UCAPAN NAIB CANSOLOR SEMPENA MALAM
PUI SI RIONG UTEM-BERITA HARIAN, UNIVERSITI
TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTEM), BERTEMPAT DI
DEWAN BESAR
7 APRIL 2009**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM,

ASSALAMUALAIKUM WRT WBT

SEGALA PUJI-PUJIAN BAGI ALLAH TUHAN SEKALIAN
ALAM YANG TELAH MENGIZINKAN KITA UNTUK SAMA-
SAMA BERKUMPUL PADA MALAM PUI SI RIONG UTeM-
BERITA HARIAN 2010. MARILAH KITA BERSYUKUR

DENGAN LIMPAH KURNIA DAN NIKMAT YANG TELAH
DIBERIKAN.

TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI
MELAKA

TUN DATUK SERI UTAMA MOHD KHALIL BIN YAAKOB,
CANSELOR, UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

YANG AMAT BERBAHAGIA TOH PUAN
DATO' DATIN SERI UTAMA ZURINA BINTI KASSIM

TERLEBIH DAHULU, KAMI SELURUH WARGA UTeM
DENGAN BERBESAR HATI MENGALU-ALUKAN
KEHADIRAN TUN CANSELOR DAN TOH PUAN KE MAJLIS
INI. SESUNGGUHNYA KEHADIRAN TUAN YANG
TERUTAMA TUN CANSELOR DAN TOH PUAN TELAH

MENAMBAHKAN SERI PADA MAJLIS YANG DIADAKAN
INI.

SAYA BAGI PIHAK SELURUH WARGA UNIVERSITI JUGA
MENGUCAPKAN JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA TUN
CANSELOR DAN TOH PUAN YANG SENTIASA
MEMBERIKAN KOMITMEN TINGGI DAN HADIR PADA
PROGRAM YANG DIUNDANG OLEH UNIVERSITI.

SESUNGGUHNYA WARGA UT_eM AMAT BERTUAH DAN
KAMI MENDOAKAN SEMOGA TUN CANSELOR DAN TOH
PUAN SENTIASA DIANUGERAHKAN DENGAN KESIHATAN
YANG BAIK DAN DIRAHMATI ALLAH SWT.

SAYA SETERUSNYA MEMOHON IZIN TUAN YANG
TERUTAMA TUN CANSELOR UNTUK BERUCAP KEPADA
HADIRIN DAN HADIRAT YANG HADIR.

YANG AMAT BERHORMAT DATUK SERI HJ MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM, KETUA MENTERI MELAKA DAN ISTERI,

YANG AMAT BERBAHAGIA DATIN SERI HJH. ASMAH BINTI HJ. ABDUL RAHMAN.

YANG BERHORMAT DATUK OTHMAN BIN MOHAMAD SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI MELAKA MERANGKAP KETUA 1 PENAMA DAN YANG BERBAHAGIA DATIN

YANG BERBAHAGIA DATO' DR MOHD TAIB BIN HASHIM Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

YANG BERBAHAGIA DATUK MIOR KAMARUL SHAHID, PENGARANG KUMPULAN BERITA HARIAN

YANG BERBAHAGIA DATUK JOHAN JAAFAR, Pengerusi Media Prima

AHLI Lembaga Pengarah Universiti, TAN SRI-TAN SRI, DATO'- DATO', DIF-DIF KEHORMAT, SASTERAWAN NEGARA, PEGAWAI-PEGAWAI Kanan Universiti, DEKAN-DEKAN, AHLI MPP, ARTIS-ARTIS JEMPUTAN, PEMUISI JEMPUTAN, PIHAK MEDIA MASSA DAN WARGA UTeM YANG DIKASIHI SEKALIAN.

ALHAMDULILLAH SAYA MEMANJATKAN RASA KESYUKURAN KE HADRAT ILLAHI KERANA DENGAN IZIN DAN RAHMATNYA YANG TELAH MENGIZINKAN PERHIMPUNAN KITA BERSAMA-SAMA PADA MALAM PUISI RIONG UTEM-BERITA HARIAN 2010.

PENGANJURAN MALAM PUISI RIONG UTeM-BERITA HARIAN MERUPAKAN ACARA JULUNG KALINYA

DIADAKAN DI UTeM. IA MERUPAKAN PLATFORM UNTUK KITA MENGHIDUPKAN KEMBALI BUDAYA “BERPUISI” SEBAGAI WARISAN BANGSA YANG MEMPUNYAI NILAI ESTETIKA YANG TINGGI.

WALAUPUN MASYARAKAT KINI DIDEHAHKAN DENGAN TEKNOLOGI DAN KECANGGIHAN PEMBANGUNAN YANG

PESAT, NAMUN PERLU DINGATKAN BAHAWA CIRI-CIRI ULUNG SENI PUISI YANG PENUH MAKNA DAN KEINDAHAN ITU TIDAK AKAN HILANG, MALAH KEKAL DAN MENJADI TONGGAK DALAM SANUBARI MASYARAKAT HARI INI.

BERTEMAKAN "MENELUSURI INOVASI WARISAN BUDAYA", KITA BERHARAP HADIRIN SEKALIAN AKAN

MENGHAYATI SENDIRI SEMANGAT DAN KEINDAHAN PUISI YANG AKAN DI SAMPAIKAN NANTI DENGAN PENUH DEDIKASI, KERANA SETIAP LONTARAN BARIS KATA ITU MENGANDUNGI MAKSUD DAN AKAL FIKIRAN TERSIRAT YANG PERLU DIFAHAMI. ITULAH KEUNIKAN SENI PUISI YANG PENUH DENGAN MAKSUD, PENGHAYATAN DAN KETAJAMAN AKAL.

HADIRIN SEKALIAN

DI PIHAK UTeM SENDIRI, SAYA BERHARAP AGAR KERJASAMA DI ANTARA BERITA HARIAN INI TERUS ERAT DENGAN PELBAGAI PROGRAM YANG DAPAT DIANJURKAN SECARA BERSAMA.

UNIVERSITI JUGA MELIHAT BAHAWA PENGANJURAN MAJLIS PUISI INI SEBAGAI PENDEDAHAN YANG SANGAT SIGNIFIKAN DALAM PROSES PEMBANGUNAN JATI DIRI MAHASISWA/I HARI INI.

INI KERANA GRADUAN UTeM YANG BAKAL DILAHIRKAN PERLU MEMPUNYAI CIRI-CIRI KESEIMBANGAN ANTARA “BUDAYA DAN INOVASI”.

GRADUAN YANG SEIMBANG INI MEMBAWA MAKSUD TIDAK HANYA MEMILIKI KEPAKARAN DALAM BIDANG TEKNIKAL SAHAJA, TETAPI JUGA MAMPU MENERAPKAN

NILAI SENI SASTERA DAN BUDAYA WARISAN DALAM MEMBENTUK JATI DIRI MASING-MASING.

HADIRIN YANG DIKASIHI SEKALIAN,

AKHIR KATA SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA

JAWATANKUASA PELAKSANA YANG TELAH BEKERJA KERAS MERANCANG MAJLIS INI UNTUK DIMANFAATKAN OLEH KITA BERSAMA. TERIMA KASIH JUGA KEPADA PENGANJUR BERSAMA, ANTARANYA PERSATUAN PENULIS NEGERI MELAKA (PENAMA), PERBADANAN MUZIUM MELAKA (PERZIM), JABATAN KESENIAN, KEBUDAYAAN DAN WARISAN NEGERI MELAKA DAN

HOTEL SERI MALAYSIA ATAS SOKONGAN YANG BERTERUSAN DALAM MENJAYAKAN PROGRAM INI.

KEPADA TUAN YANG TERUTAMA TUN CANSELOR DAN TOH PUAN, SAYA BAGI SELURUH WARGA UNIVERSITI MENGUCAPKAN JUTAAN TERIMA KASIH KERANA SUDI MELUANGKAN MASA BERSAMA KAMI DI SINI.

SERANGKAP PANTUN BUAT RENUNGAN BERSAMA:

DIMULAKAN HAJAT SETINGGI GUNUNG
 DIMULAKAN DENGAN PANTUN PUSAKA
 SEHALUS RAMBUT SEJERNIH KACA
 TERSISIP MAKNA DALAM NAN AGUNG

JALAN RAYA TITIAN BATU
 AIR JERNIH PANTAINYA LANDAI

SELAMAT DATANG PARA TETAMU
 PUISI RIONG HIBURAN SANTAI

SEBELUM MENGUNDUR DIRI, IZINKAN SAYA MEMBUKA
 GELANGGANG PUISI RIONG UTeM-BERITA HARIAN INI
 DENGAN MENDEKLAMASIKAN SEBUAH PUISI YANG
 AMAT BERMAKNA KEPADA SELURUH RAKYAT NEGERI
 MELAKA, BERJUDUL “NOSTALGIA MELAKA”.

[PERSEMBAHAN PUISI OLEH Y.BHG DATUK]

[SELESAI]

SEKIAN, TERIMA KASIH

WASSALAMMUALAIKUM

WARAHMATULLAHI

WABARAKATUH